

PM' lawat Marina Harbour

UM - 9 JUL 2003

ALOR STAR 8 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan sehari ke Kedah hari ini turut meluangkan masa melawat projek pembinaan pelabuhan kapal layar bertaraf dunia, Marina Harbour di Kuala Kedah.

Perdana Menteri diiringi Menteri Besar, Datuk Seri 'Sved Razak' Syed Zain tiba di pelabuhan tersebut kira-kira pukul 12.30 tengah hari dengan menaiki helikopter selepas meninjau projek pembangunan di Kota Putra, Durian Burung, berdekatan sempadan Thailand, pada sebelah pagi.

Projek tersebut bakal menjadi mercu tanda terbaru Kedah selain merupakan produk pelancongan menarik negeri tersebut.

Dalam lawatan kira-kira 45 minit tersebut, Dr. Mahathir dan Menteri Besar tidak melepaskan peluang menaiki bot untuk meninjau lebih jelas pembangunan terakhir pelabuhan itu.

Projek pembinaan pelabuhan kapal layar berkonsepkan istana lama di Eropah membabitkan kawasan seluas 16 hektar dan berharga RM26 juta itu berupaya menempatkan sebanyak 44 buah kapal layar dalam satu-satu masa.

Perdana Menteri kemudian tidak ketinggalan menemui dua orang kakaknya, Rafeah, 89, dan Habsah, 87, dan makan tengah hari bersama mereka di rumah an& saudara heliau, Datin Yasmin Mashor dekat sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.